

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD.2(13)

Tarikh : 1 Disember 2000

***Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Sabah Dan Wilayah Persekutuan Labuan***

***Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Sabah Dan Wilayah Persekutuan Labuan***

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 20 TAHUN 2000**

**PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB SERTA TUGAS
PEGAWAI PENGAWAL**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/ Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa dari pemerhatian Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) wujud peningkatan sikap mengabaikan dan tidak mematuhi prinsip-prinsip dan Peraturan Kewangan dari kalangan pegawai awam, terhadap arahan dan kehendak peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

3. Oleh hal yang demikian, bagi memastikan bahawa segala arahan dan peraturan kewangan yang sedia ada dan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan dapat dipatuhi dan dilaksanakan serta dipertingkatkan ke tahap yang tinggi lagi sempurna, sukalah saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada Cabutan Arahan Perbendaharaan (AP) berkaitan dengan Peranan dan Tanggungjawab Serta Tugas Pegawai Pengawal seperti yang terkandung dalam Lampiran 'A' berkembar.

4. Melalui edaran cabutan tersebut seperti di Lampiran 'A', diharapkan dapat membantu pihak Y.Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan melaksanakan tugas-tugas Pengurusan Kewangan dari segi prosedur kewangan, prosedur perakaunan, audit, kehilangan dan prosedur hapus kira wang dan harta awam dengan lebih teratur serta menepati kehendak peraturan-peraturan kewangan semasa bagi mengurangkan kes-kes salah urus atau kecuaiian yang berkaitan dengan Pengurusan Kewangan.

5. Di atas segala sokongan, perhatian dan tindakan pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan untuk berusaha melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang digariskan amatlah diharapkan bagi mempertingkatkan Pengurusan Kewangan ke tahap yang tinggi dan cemerlang.

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

T.T

(DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah.